

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 6/1999

PENGENAAN KADAR BARU BAYARAN DOKET
UNTUK PEMINDAHAN BAHAN BATUAN

1. Arahān ini dikeluarkan bagi mengarahkan Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan supaya mengenakan kadar bayaran doket untuk pemindahan bahan batuan selaras dengan perkembangan masa di mana saiz muatan kenderaa yang memindahkan bahan batuan telah bertambah yang menyebabkan jumlah pemindahan bahan batuan bagi satu trip pemindahan juga turut bertambah.
2. Berdasarkan pemeriksaan yang telah dijalankan di tapak-tapak kuari adalah didapati setiap lori yang memindahkan batu kuari puratanya mencatatkan muatan lebih 10 metrik tan bagi lori biasa dan lebih 20 metrik tan bagi lori besar, berbanding dengan bayaran doket yang puratanya dikenakan untuk 1 trip sebanyak 5 metrik tan sahaja.
3. Begitu juga bagi pemindahan pasir dan tanah di mana bayaran doket yang dikenakan adalah muatan 4 meter padu bagi 1 trip lori sedangkan muatan yang dibawa adalah lebih daripada 6 meter padu bagi lori biasa dan lebih 12 meter padu bagi lori besar.
4. Ini mengakibatkan Kerajaan telah kerugian hasil yang banyak dari sumber royalti bahan batuan kerana hampir ke semua pengusaha membawa muatan bagi satu-satu trip lebih daripada muatan yang dikenakan royalti.

5. Sehubungan dengan itu, tuan dikehendaki mengenakan kadar baru bayaran doket pemindahan bahan batuan seperti berikut :-

| Bil | Jenis Lori | Anggaran | Muatan | Kadar | | Royalti | | Setiap | | Keping | | Doket | | (RM) |
|-----|------------|----------|--------|------------|---------------------------|---------|----------|--------|-------|--------|-------|-------|-------|-------------|
| | | | | Batu (tan) | Pasir/ Tanah (meter padu) | Tanah | Kerajaan | Tanah | Milik | Batu | Pasir | Tanah | Milik | |
| 1. | Biasa | 10 | 5 | 16.00 | 24.00 | 10.00 | 15.00 | 10.00 | 15.00 | 12.00 | 18.00 | 10.00 | 15.00 | 7.50 11.50 |
| 2. | Besar | 20 | 10 | 32.00 | 48.00 | 20.00 | 30.00 | 20.00 | 30.00 | 24.00 | 36.00 | 20.00 | 30.00 | 15.00 23.00 |

+ pada waktu pejabat / hari bekerja

* di luar waktu pejabat / hari bekerja.

6. Kadar baru ini dijangka dapat mengelakkan daripada berlaku kerugian hasil yang terlalu tinggi dan boleh meningkatkan peratusan pungutan royalti pemindahan bahan batuan bagi menambahkan lagi hasil Negeri.
7. Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 November 1999.

t.t
(Md.Yusof bin Noh)
 PENGARAH TANAH DAN GALIAN
 KELANTAN.

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YBM. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABRs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN. 3269 JLD.2 (47)

BERTARIKH : 16 Rejab 1420H
26 Oktober, 1999